KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN			
TARIKH	:	04/12/2021 (SABTU)	MUKA SURAT	:	9
JABATAN	:	SEDA			

UTUSAN MALAYSIA
SABTU • 4 DISEMBER 2021

Dalam Negeri

Kg. Orang Asli Berasau bercahaya selepas 20 tahun

KLUANG: "Kami kini boleh beli peti sejuk, mesin basuh untuk mencuci pakaian dan peralatan asas yang memerlukan tenaga elektrik lain selepas ini," demikian kata Sari Achu yang mewakili 19 keluarga Orang Asli yang tinggal di Kampung Orang Asli Berasau, Kahang, di sini.

Mana tidaknya, sejak lebih 20 tahun tinggal di perkampungan yang terletak kira-kira 50 kilometer dari Bandar Kluang itu, akhirnya kira-kira 70 penduduk di situ kini menarik nafas lega setelah dapat menikmati bekalan elektrik melalui tenaga solar.

Sari yang juga Tok Batin di perkampungan berkenaan berkata, rata-rata penduduk di situ amat bersyukur dengan penyediaan bekalan berkenaan yang secara tidak langsung dapat membantu memudahkan urusan seharian mereka.

Perkampungan itu satu-satunya di Johor yang masih tiada akses kepada rangkaian grid nasional dan sudah lama penduduk di situ hidup dalam kegelapan selain bergantung kepada penjana elektrik diesel yang dikongsi bersama selama dua jam setiap hari.



PERALATAN elektrik seperti kipas kini boleh dipasang penduduk Kampung Orang Asli Berasau selepas menerima kemudahan elektrik secara tenaga solar di Kahang, Kluang.